

10/09/1997

Jadikan usaha sama realiti: PM

Zam Zam Omar in Ulan Bator

ULAN BATOR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha meningkatkan perdagangan di kalangan negara membangun, walaupun bukan mudah, tidak seharusnya menjadi penghalang kepada ahli perniagaan Malaysia dan Mongolia menjalin usaha sama.

Perdana Menteri meminta ahli perniagaan dua negara berkenaan jangan mengangap perdagangan tidak boleh berkembang antara mereka.

"Walaupun kita menyedari usaha peningkatan dagangan di kalangan negara membangun bukan mudah, kita memerlukan rangka kerja asas yang kukuh," katanya berucap kepada lebih 100 ahli perniagaan dua negara pada majlis makan tengah hari perniagaan anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Mongolia serta delegasi perniagaan Malaysia, di sini, hari ini.

Malaysia, menurutnya, menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan menerusi dagangan di kalangan negara membangun kerana anggota negara Selatan mampu bekerjasama bagi meningkatkan taraf ekonomi dan keadaan sosial mereka menerusi kegiatan ekonomi dan dagang yang memanfaatkan bersama.

Malaysia, katanya, menggalakkan sektor swasta berdagang dan melabur di negara Selatan yang lain dan hasilnya memanfaatkan kedua-dua negara.

Beliau berkata, syarikat Malaysia yang sudah banyak melabur di merata negara termasuk di sektor perbankan, perlombongan, prasarana, janakuasa dan pelancongan bersedia melabur dan bekerjasama dengan syarikat Mongolia dalam sektor pembuatan bernilai tambah, menggunakan sumber tempatan.

Menurutnya, pada masa ini, jumlah dagangan Malaysia dengan negara membangun meningkat kepada 13.6 peratus kepada AS\$23.9 bilion pada 1995, manakala jumlah eksport Malaysia ke negara berkenaan meningkat sebanyak 8.3 peratus kepada AS\$13.9 bilion.

Dalam hubungan ini, katanya, tahun lalu, nilai dagang Malaysia ke negara membangun mencatatkan 17.7 peratus daripada keseluruhan eksport negara ke seluruh dunia.

Perdana Menteri menekankan pentingnya kedua-dua negara meningkatkan usahasama di bidang perdagangan berdasarkan hubungan ekonomi dua hala yang sangat kecil kini, berbanding potensi peluang yang wujud pada dua negara.

Pada masa ini, katanya, dagangan dua hala di antara Mongolia dan Malaysia amat kecil iaitu kira-kira 0.32 peratus daripada jumlah dagangan dunia Mongolia pada 1996.

Dagangan dua negara meningkat daripada AS\$172,000 pada tahun 1990 kepada AS\$2.715 juta tahun lalu. Dalam hubungan ini, eksport Malaysia ke negara ini ialah AS\$1.58 juta tahun lalu, sementara import mencatat AS\$1.14 juta.

(END)